



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG  
(PORT KLANG AUTHORITY)**  
Beg Berkunci 202,  
Jalan Pelabuhan Utara,  
42005 Pelabuhan Klang  
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211  
Fax: 603-3168 9117  
603-3168 8228  
603-3168 8229  
603-3167 0211

Web:<http://www.pka.gov.my>  
Email:[onestopagency@pka.gov.my](mailto:onestopagency@pka.gov.my)

**MS ISO 9001 : 2015 REG.NO: AR3579**

(JABATAN ZON BEBAS & JABATAN DAGANGAN BERBAHAYA)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: LPK:PB/600-4/1 Jld. 2 (13)

Tarikh : 17 Mac 2020

Y.Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG  
BIL. 3/2020**

**PENGENDALIAN OPERASI PELABUHAN SEMASA TEMPOH PERINTAH  
KAWALAN PERGERAKAN BERHUBUNG COVID-19 (18 MAC 2020 - 31 MAC 2020)**

Perkara di atas dengan hormatnya dirujuk.

2. Berdasarkan kepada situasi terkini peningkatan penularan wabak COVID-19 di Malaysia dan juga di seluruh dunia, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020. Perintah ini dikeluarkan di bawah Akta Kawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

3. Walau bagaimanapun, dibawah Jadual 1 Akta Perhubungan Industri 1967 menyatakan bahawa pelabuhan diklasifikasikan sebagai perkhidmatan penting dan sehubungan dengan itu pelabuhan dan lapangan terbang serta seumpamanya dengannya termasuk perkhidmatan stevedor, lighterage, kendalian kargo, pemaliman, penyimpanan dan kendalian komoditi pukal dikecualikan dari arahan tersebut.

4. Termasuk juga yang diklasifikasikan sebagai perkhidmatan penting adalah Jabatan Kerajaan seperti Jabatan Kimia, Jabatan Penerangan, Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen, Jabatan Laut, Jabatan Meterologi dan Jabatan Percetakan.

5. Selari dengan itu, Pelabuhan Klang akan meneruskan operasi didalam tempoh ini. Pihak Operator Terminal, Northport dan Westports serta Port Klang Free Zone akan memperuntukkan segala keperluan perkhidmatan bagi pelabuhan dan logistik bagi menampung keperluan negara dalam tempoh kritikal ini. Walau bagaimanapun, pengguna pelabuhan pasti akan berhadapan dengan gangguan dan kelewatan berpunca dari beberapa faktor luaran dan cabaran yang mungkin timbul.

6. Pihak LPK beranggapan syarikat pengangkutan terutama syarikat Haulier akan juga meneruskan perkhidmatan bagi memastikan penghantaran dan penerimaan kargo dari dan ke luar pelabuhan tidak tergendala. Bagi mencegah kesesakan didalam pelabuhan, Konsaini perlu memastikan barang mereka dibawa keluar dengan

segera. Tiada pengecualian ke atas tempoh penyimpanan lebih masa akan diberikan kepada Konsaini tanpa sebab yang munasabah.

7. LPK menyeru kepada semua pemain industri untuk mengambil langkah yang perlu bagi memastikan keselamatan dan kesihatan warga kerja didalam tempoh sukar ini terjaga. Pematuhan ke atas Perintah Kawalan Pergerakan ini perlu diberi perhatian serius oleh individu yang tidak terlibat dengan operasi bagi memastikan krisis ini dapat diatasi dengan segera.

8. Lembaga Pelabuhan Kelang ingin mengulangi bahawa pihak Kastam dan Agensi Kerajaan yang lain termasuk semua pemain industri pelabuhan dan logistik akan terus beroperasi bagi membantu industri logistik mempercepatkan kendalian barang. Walau bagaimana pun perancangan operasi dan tenaga kerja adalah bergantung kepada budibicara masing-masing.

9. Semua pengikrarann melibatkan Lembaga Pelabuhan Klang seperti Dagangan Berbahaya dan Zon Bebas akan dikendalikan melalui sistem e-DCFZ. Sebarang pertanyaan boleh disalurkan kepada pegawai yang tersenarai didalam laman web LPK.

10. Sebagai tambahan, Lembaga Pelabuhan Kelang juga telah mewujudkan talian bantuan bagi menjawab pertanyaan berhubung operasi di pelabuhan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berhubung wabak Covid-19 (rujuk Appendiks 1). Senarai FAQ juga akan diwujud dan dipamerkan didalam laman web LPK bagi membantu pengguna pelabuhan. Pihak Northport, Westports dan PKFZ juga akan mengeluarkan garis panduan masing-masing berhubung kendalian operasi di premis masing-masing.

11. Sepanjang tempoh ini, ibu pejabat LPK, pejabat Operator Terminal (Northport, Westports dan PKFZ) serta pejabat *Vessel Traffic Management System* (VTMS) tidak akan dibuka kepada awam atau lawatan rasmi oleh delegasi. Maklumat terkini akan disalurkan dari masa ke semasa kepada pengguna pelabuhan sekira terdapat sebarang perkembangan terbaru.

Sekian, terima kasih.

#### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(KAPT. K. SUBRAMANIAM)**

Penguru Besar

Lembaga Pelabuhan Kelang

Tel : 03-3168 8358

Fax : 03-3168 7626

Email : [sobra@pka.gov.my](mailto:sobra@pka.gov.my)

Appendiks 1

**TALIAN BANTUAN LEMBAGA PELABUHAN KELANG SEPANJANG TEMPOH PERINTAH  
KAWALAN PERGERAKAN BERHUBUNG COVID-19 (18 MAC 2020 – 31 MAC 2020)**

JABATAN	PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB	NOMBOR/E-MEL UNTUK DIHUBUNGI
ZON BEBAS	En. Ahmad Rizal bin Mohd. Yusop Pengurus Kanan	012-2159069 03-31688214 (DL) 03-3168 8211 samb. 1024 ahmadrizal@pka.gov.my
DAGANGAN BERBAHAYA	En. Nubhan bin Basarud Pengurus	012-3063404 03-31670024 (DL) 03-3168 8211 samb. 1023 nubhan@pka.gov.my
GERAKAN MERIN	Kapt. Azmi bin Maaris Menanggung Tugas Pengurus	012-6395565 03-31668205 (DL) 03-3168 8211 samb. 3025 azmi@pka.gov.my